

Efikasi Kendiri dan Motivasi Akademik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Enam di Sabah

Abd Halim Tahir¹, Getrude C. Ah Gang @ Grace², Patricia Joseph Kimong³

^{1,2,3} *Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, UMS, Kota Kinabalu, Malaysia*

*Corresponding author's e-mail:
abdhalimtahir82@gmail.com

Dihantar: 1 Dec 2024 / Diterima: 1 Dec 2024
Received date: 1 Dec 2024 / Accepted date: 1 Dec 2024
Published date: 18 Dec 2024

Abstract Efikasi sendiri dan motivasi merupakan antara dua elemen yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap efikasi sendiri dan motivasi akademik dalam kalangan pelajar Kolej Tingkatan Enam di Kota Kinabalu, Sabah. Seramai 200 pelajar daripada kolej tingkatan enam turut serta dalam kajian ini. Hasil kajian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan (SPSS) versi 25.0. Dapatan menunjukkan tahap efikasi sendiri pelajar adalah pada tahap sederhana tinggi, dengan skor min 3.03, merangkumi 84.3% daripada responden. Dalam kajian ini, motivasi akademik diukur berdasarkan kepada tiga konstruk utama, iaitu motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan *amotivation*. Motivasi intrinsik diukur berdasarkan tiga komponen, iaitu pengetahuan, penyempurnaan dan rangsangan. Kajian mendapati bahawa dua komponen dalam motivasi intrinsik, iaitu pengetahuan dan penyempurnaan berada pada tahap rendah, dengan skor min 3.51 (87.7%). Namun bagi komponen rangsangan berada pada tahap yang tinggi dengan skor min 4.41 (92.7%). Selain motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik yang juga mempunyai tiga komponen (peraturan dikenal pasti, introjeksi & peraturan luaran) juga dikaji. Kajian menunjukkan peraturan yang dikenal pasti, berada pada tahap sederhana, dengan skor min 3.64 (79.0%), introjeksi pula adalah tahap tinggi iaitu skor min 3.75 (90.2%), manakala peraturan luaran berada pada tahap rendah dengan skor min 3.03 (74.7%). Tahap konstruk *amotivation* pelajar adalah pada tahap tinggi, dengan skor min 4.44 (94.0%). Secara keseluruhannya, kajian mendapati efikasi sendiri dan motivasi pelajar berada pada tahap sederhana dan rendah. Oleh itu, program intervensi dicadangkan bagi meningkatkan pembangunan aspek efikasi sendiri dan motivasi akademik pelajar, khususnya pelajar tingkatan enam.

Kata kunci: *Efikasi sendiri, motivasi akademik, motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, amotivasi, pelajar tingkatan enam.*

Pengenalan

Pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Menerusi pendidikan, generasi muda dapat dibekalkan dengan pelbagai kemahiran seperti kreativiti dan inovasi dan ini dapat membantu mereka untuk lebih berdaya saing dalam pasaran kerja, dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi. Dalam melahirkan generasi muda yang berdaya saing dan berinovatif, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk membangunkan dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. PPPM merupakan pelan strategik dengan matlamat untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan negara. Pelan ini juga bertujuan untuk memastikan pendidikan yang disediakan relevan dengan keperluan masa depan, serta dapat mempersiapkan pelajar bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Salah satu fokus utama pelan ini adalah membangunkan potensi pelajar secara holistik, dengan menekankan kepada pembangunan kemahiran kognitif, sosial, emosi, dan psikologi pelajar.

Transformasi pendidikan tingkatan enam merupakan antara fokus utama PPPM. Pendidikan tingkatan enam memainkan peranan penting sebagai persediaan pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

Transformasi ini sangat penting untuk meningkatkan daya saing pelajar dan menyediakan mereka dengan kemahiran yang sesuai untuk peringkat universiti dan pasaran kerja pada masa hadapan. Transformasi ini juga merangkumi pelbagai aspek, termasuk perubahan dalam kaedah pengajaran, persekitaran pembelajaran, dan kurikulum yang lebih fleksibel serta relevan. Matlamat utama transformasi ini adalah untuk memastikan pelajar tingkatan enam mempunyai keyakinan sendiri yang tinggi dan motivasi akademik yang tinggi, merupakan dua elemen penting bagi mencapai kejayaan dalam pendidikan pra-universiti.

Efikasi sendiri merujuk kepada keyakinan individu dalam memilih strategi yang tepat untuk mengatasi masalah, berdasarkan Kemahiran yang dimilikinya (Bandura, 1997a). Dari sudut saintifik, efikasi sendiri menggambarkan keupayaan individu untuk meyakinkan diri mereka bahawa mereka dapat menghadapi pelbagai ujian, cabaran, rintangan, dan halangan demi mencapai matlamat yang ditetapkan. Menurut Bandura (1997b) individu yang memiliki m efikasi sendiri yang tinggi dijangka dapat berfungsi dengan baik dan berkesan, walaupun dalam situasi yang mencabar. Sebaliknya individu yang mempunyai tahap keyakinan diri yang rendah cenderung merasa kurang yakin terhadap kebolehan mereka. Dengan erti kata lain,

efikasi sendiri merujuk kepada keyakinan pelajar terhadap kebolehan mereka untuk mencapai kejayaan. Hal ini sangat penting dalam membantu pelajar mengharungi cabaran akademik. Oleh itu, terdapat saranan agar teori efikasi sendiri diperkenalkan kepada masyarakat yang berfikir pesimistik dan skeptikal dalam membantu mereka mengenali kelebihan diri dan menangani masalah yang dihadapi (Wan Mohamed & Yunus, 2018).

Seterusnya, motivasi akademik turut memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar terus berusaha mencapai matlamat mereka. Slameto (2013), mendefinisikan motivasi sebagai langkah sistematik untuk mempengaruhi individu dalam melaksanakan sesuatu tugas. Sementara Othman dan Ismail (2012) menyatakan bahawa merupakan elemen yang penting dalam menghasilkan proses pembelajaran yang sempurna.

Arus perubahan dalam sistem pendidikan, memerlukan pendekatan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan motivasi intrinsik, di mana pelajar didorong oleh minat dan keinginan untuk berjaya. Pada masa yang sama, motivasi ekstrinsik seperti peluang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi turut memberi dorongan kepada pelajar untuk meningkatkan prestasi mereka (Deci & Ryan, 2000). Golongan muda khususnya pelajar di Malaysia perlu dibimbing agar terus berdaya saing dan cekal mengharungi arus perubahan dalam pendidikan. Bidang pendidikan tidak terkecuali daripada menerima kesan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang merupakan asas penting kepada penyediaan tenaga kerja pada masa hadapan. Kurangnya bimbingan daripada pelbagai pihak yang bertanggungjawab boleh menyebabkan pelajar tercicir, menghadapi masalah perkembangan akademik dan hilang semangat untuk belajar. Semua ini boleh mendatangkan kesan negatif kepada aspek disiplin pelajar kelak.

Justeru, dalam usaha untuk memahami dan meneroka elemen yang dapat membantu meningkatkan matlamat akademik pelajar, satu kajian telah dijalankan. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji tahap efikasi sendiri pelajar kolej tingkatan enam. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengkaji tahap motivasi akademik intrinsik, ekstrinsik dan *amotivation* dalam kalangan pelajar kolej tingkatan enam. Menerusi dapatan kajian ini, dapat memberikan panduan dalam menghasilkan intervensi atau program pembangunan pelajar yang dapat membantu dalam meningkatkan isu keyakinan diri dan motivasi pelajar.

Kajian lepas

Kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara efikasi sendiri yang tinggi dengan pencapaian akademik (Zimmerman, 2000). Pelajar yang percaya kepada keupayaan diri mereka untuk menguasai subjek atau topik tertentu biasanya menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding pelajar yang kurang yakin terhadap kebolehan mereka (Schunk, 1991). Menerusi peningkatan efikasi diri pelajar juga motivasi akademik dan pencapaian pelajar dalam akademik juga dapat ditingkatkan.

Motivasi akademik merujuk kepada daya penggerak yang mendorong pelajar untuk terlibat dalam aktiviti pembelajaran, mencapai matlamat akademik dan memperbaiki prestasi mereka. Motivasi akademik terbahagi kepada dua kategori utama, iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik (Deci & Ryan, 1985). Motivasi intrinsik berkait rapat dengan prestasi akademik yang lebih baik yang mana menerusi

motivasi intrinsik, pelajar akan lebih gigih, kreatif, dan berdedikasi dalam akademik (Ryan & Deci, 2000). Selain motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik juga penting, terutamanya dalam membantu pelajar untuk mencapai matlamat jangka pendek. Walau bagaimanapun, pelajar yang terlalu bergantung kepada motivasi ekstrinsik mungkin menghadapi kesukaran untuk mengekalkan usaha mereka apabila ganjaran luaran tidak lagi relevan (Deci & Ryan, 1985).

Kajian lepas mendapati bahawa ganjaran dan hukuman membentuk motivasi ekstrinsik (Karsenti & Thibert, 1995). Pelajar yang bermotivasi ekstrinsik cenderung untuk melaksanakan tugasnya sendiri (Ormrod, 2011). Hal ini bermaksud pelajar berusaha dan mencapai matlamat tanpa dorongan secara dalaman tetapi dengan memberikan ganjaran dan pujian dapat meningkatkan motivasi pelajar. Selain motivasi intrinsik dan ekstrinsik, konsep motivasi juga dapat dijelaskan menerusi konsep *amotivation*. Konsep *amotivation* dapat dijelaskan apabila individu berasa tidak kompeten, tiada kawalan, atau tidak memahami tujuan dari tindakan tersebut. Keadaan ini boleh berlaku apabila pelajar merasa hilang arah, kurang minat, atau tidak nampak tujuan untuk belajar, dan ini sering kali membawa kepada keputusan akademik yang rendah (Deci & Ryan, 1985).

Pelajar yang mempunyai matlamat cenderung mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi. Kajian oleh Grace et al. (2018) menerusi kajian yang melibatkan 1586 pelajar di 21 buah sekolah luar bandar di Sabah mendapati bahawa antara faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar adalah menerusi motivasi pencapaian. Kajian menunjukkan pencapaian motivasi memberikan sumbangan yang signifikan kepada pencapaian akademik.

METODE

Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan pendekatan kaedah persampelan bertujuan. Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk melihat kekerapan dan peratus terhadap maklumat demografi responden serta tahap efikasi sendiri dan motivasi akademik pelajar. Seramai 200 orang pelajar kolej tingkatan enam terlibat dalam kajian ini. Soal selidik yang diberikan kepada responden adalah secara atas talian dengan menggunakan kaedah *google form*. Melalui soal selidik ini, ia dibangunkan dengan melihat kepada pemboleh ubah yang ingin dikaji beserta pemilihan soalan yang bersesuaian. SPSS versi 25.0 digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi dalam kajian ini. Data yang diperolehi dihuraikan secara terperinci menerusi kaedah penjadualan dalam hasil kajian. Melalui dapatan soal selidik responden, instrumen tersebut memerlukan penganalisan data dengan lebih terperinci. Bagi demografi responden, data yang diperolehi diberikan penerangan yang sistematik mengenai ciri-ciri sesuatu populasi secara fakta dan tepat. Melalui penggunaan analisis deskriptif ini juga dapat diberikan penerangan yang lebih mendalam terhadap min dan sisihan piawai yang diperolehi oleh pengkaji terhadap tahap pemboleh ubah yang ingin dikaji oleh pengkaji.

Instrumen Kajian

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A adalah maklumat demografi responden yang mengandungi tiga item. Bahagian B mengukur tahap efikasi sendiri pelajar dengan menggunakan *General Self-Efficacy Scale (GSES)* oleh Schwarzer & Jerusalem (1995) yang mengandungi 10 item. Sementara, bahagian C soal selidik pula mengukur tahap motivasi akademik pelajar dengan menggunakan instrumen '*Academic Motivation Scale High School (AMH-HS)* yang mengandungi 28 item. Melalui soal selidik ini, kajian ini

dilakukan untuk mengenal pasti tahap kedua pemboleh ubah yang ingin dikaji iaitu tahap efikasi sendiri dan tahap motivasi akademik pelajar kolej tingkatan enam. Kajian menunjukkan nilai kebolehpercayaan untuk soal selidik *General Self-Efficacy Scale (GSES)* adalah di antara .76 dan .90, manakala kebolehpercayaan bagi soal selidik *Academic Motivation Scale – High School (AMS- HS)* adalah .60 dan .86.

Jadual 1

Bilangan Item yang Mengukur Motivasi Akademik dan Tiga komponennya

No. sub-skala	No item	Sub-skala	Penjelasan	Jumlah item
1	2, 9, 16, 23	Motivasi Intrinsik	Pengetahuan	4
2	6, 13, 20, 27	Motivasi Intrinsik	Penyempurnaan	4
3	4, 11, 18, 25	Motivasi Intrinsik	Perangsangan	4
4	3, 10, 17, 24	Motivasi Ekstrinsik	Peraturan dikenal Pasti	4
5	7, 14, 21, 28	Motivasi Ekstrinsik	Introjeksi	4
6	1, 8, 15, 22	Motivasi Ekstrinsik	Aturan Luar	4
7	5, 12, 19, 26	Amotivation		4
Jumlah				28

Analisis Data

Dapatan kajian dipaparkan dalam bentuk jadual bagi menerangkan secara terperinci data yang diperolehi melalui soal selidik responden. Ciri-ciri populasi secara fakta dan tepat diterangkan bagi aspek demografi responden. Analisis deskriptif yang dilakukan juga menjelaskan tentang nilai min dan sisihan piawai seterusnya, memberi indikator penting bagi tahap pemboleh ubah kajian.

Keputusan kajian

Seramai 200 orang pelajar kolej tingkatan enam dilibatkan dalam kajian ini. Jadual menunjukkan dapatan data demografi responden berkaitan dengan jantina, bangsa, agama dan pendapatan keluarga bagi pelajar kolej tingkatan enam. Maklumat demografi responden dirumuskan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Maklumat Demografi Responden (N=200)

Ciri-Ciri Demografi		Kekerapan (n = 200)	Peratusan (%)
Gender	Lelaki	80	40.0
	Perempuan	120	60.0
		200	100.0
Bangsa	Melayu	21	10.5
	Cina	4	2.0
	Bumiputra Sabah	161	80.5
	Bumiputra Sarawak	3	1.5
	Lain-Lain	11	5.5

	Jumlah	200	100.0
Agama	Islam	130	65.0
	Kristian	63	31.5
	Hindu	4	2.0
	Buddha	3	1.5
	Jumlah	200	100.0
Pendapatan Keluarga	RM0-RM1200	52	26.0
	RM1300-RM2400	47	23.5
	RM2500-RM3600	62	31.0
	RM3100-RM4800	15	7.5
	RM4900-RM6000	12	6.0
	RM6000 Ke atas	12	6.0
	Jumlah	200	100.0

Tahap Efikasi Kendiri Pelajar Kolej Tingkatan Enam

Analisis deskriptif dalam jadual 3 menunjukkan nilai min keseluruhan bagi tahap efikasi sendiri pelajar kolej tingkatan enam berada pada tahap sederhana tinggi ($M=3.03$, $SP=0.531$). Dapat dirumuskan bahawa bagi pemboleh ubah efikasi sendiri pelajar kolej tingkatan enam adalah sederhana tinggi.

Jadual 3

Nilai Min bagi Item Efikasi Kendiri

Pemboleh ubah	Bilangan Item	Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap
Efikasi Kendiri	10	3.03	.531	Sederhana Tinggi

Tahap Motivasi Akademik Pelajar Kolej Tingkatan Enam

Analisis deskriptif dalam jadual 4 menunjukkan nilai min keseluruhan bagi tahap motivasi akademik pelajar kolej tingkatan enam berada pada tahap rendah ($M=3.51$, $SP=0.993$). Dapat dirumuskan bahawa bagi pemboleh ubah efikasi sendiri pelajar kolej tingkatan enam adalah sederhana tinggi.

Jadual 4

Nilai Min bagi Item Motivasi Akademik

Pemboleh ubah	Bilangan Item	Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap
Motivasi Akademik	28	3.51	.993	Rendah

Tahap Motivasi Akademik: Instrinsik (Pengetahuan, Penyempurnaan dan Perangsangan) Pelajar Kolej Tingkatan Enam

Analisis deskriptif dalam Jadual 4 menunjukkan nilai min bagi tahap motivasi akademik: instrinsik (Pengetahuan) pelajar kolej tingkatan enam adalah rendah ($M=3.51$, $SP=0.993$). Nilai min bagi tahap motivasi akademik: Instrinsik (Penyempurnaan) pelajar kolej tingkatan enam adalah tinggi ($M=4.45$, $SP=1.37$) manakala, bagi analisis deskriptif terhadap

nilai min bagi tahap motivasi akademik: Instrinsik (Perangsangan) pelajar kolej tingkatan enam adalah tinggi ($M=4.41$, $SP=1.39$).

Jadual 4.1

Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Motivasi Akademik: Instrinsik (Pengetahuan, Penyempurnaan dan Perangsangan)

Pemboleh ubah	Bilangan Item	Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap
Instrinsik (Pengetahuan)	4	3.51	0.993	Rendah
Instrinsik (Penyempurnaan)	4	4.45	1.37	Tinggi
Instrinsik (Perangsangan)	4	4.41	1.39	Tinggi

Tahap Motivasi Akademik: Ekstrinsik (Peraturan dikenal Pasti, Introjeksi dan Aturan Luar) Pelajar Kolej Tingkatan Enam

Analisis deskriptif dalam jadual 4.2 menunjukkan nilai min bagi tahap motivasi akademik: ekstrinsik (Peraturan dikenal Pasti) pelajar kolej tingkatan enam adalah sederhana ($M=3.60$, $SP=1.10$). Nilai min bagi tahap motivasi akademik: ekstrinsik (Introjeksi) pelajar kolej tingkatan enam adalah sederhana Tinggi ($M=3.75$, $SP=1.25$) manakala, bagi analisis deskriptif terhadap nilai min bagi tahap motivasi akademik: ekstrinsik (Aturan Luar) pelajar kolej tingkatan enam adalah rendah ($M=3.03$, $SP=1.00$).

Jadual 4.2

Nilai Min dan Sisihan Piawai Bagi Motivasi Akademik : Ekstrinsik (Peraturan dikenal Pasti, Introjeksi dan Aturan Luar)

Pemboleh ubah	Bilangan Item	Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap
Ekstrinsik (Peraturan dikenal Pasti)	4	3.60	1.10	Sederhana
Ekstrinsik (Introjeksi)	4	3.75	1.25	Sederhana Tinggi
Ekstrinsik (Aturan Luar)	4	3.03	1.00	Rendah

Tahap Motivasi Akademik: Amotivation Pelajar Kolej Tingkatan Enam

Analisis deskriptif dalam jadual 4.3 terhadap nilai min keseluruhan bagi tahap *amotivation* akademik: (*Amotivation*) pelajar kolej tingkatan enam adalah sederhana Tinggi ($M=4.44$, $SP=1.30$). Hal ini menunjukkan tahap efikasi sendiri pelajar kolej tingkatan enam adalah tinggi.

Jadual 4.3

Nilai Min dan Sisihan Piawai Bagi Motivasi Akademik : Instrinsik (*amotivation*)

Pemboleh ubah	Bilangan Item	Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap
Motivasi Akademik : (<i>amotivation</i>)	4	4.44	1.30	Tinggi

Perbincangan

Secara keseluruhannya, kajian mendapati tahap efikasi sendiri pelajar kolej tingkatan enam adalah sederhana tinggi. Menurut kajian oleh Wan Muhamed & Yunus (2019) seseorang yang memiliki efikasi sendiri yang baik mampu memperoleh kejayaan dalam ujian kerana boleh memotivasi diri dalam menghadapi kesulitan yang dihadapinya dan menjadikan sebagai pelajaran di kemudian hari. Selain itu, kajian juga mendapati motivasi akademik pelajar adalah rendah. Namun jika dilihat dari aspek sub konstruk motivasi intrinsik adalah tinggi berbanding dengan motivasi ekstrinsik. Hal ini membuktikan bahawa faktor dalaman merupakan pendorong utama pelajar meneruskan pengajian mereka di tingkatan enam seterusnya, mempengaruhi gaya pembelajaran serta prestasi mereka. Dapatan ini disokong oleh kajian Othman dan Ismail (2012) yang menyatakan bahawa motivasi merupakan elemen penting dalam mencapai pembelajaran yang optimum. Sementara, Garcia dan Pintrich (1996) juga mendapati bahawa motivasi intrinsik dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan pencapaian individu. Pendapat ini selari dengan Garavalia dan Gredler (2002) yang menegaskan bahawa pelajar yang mempunyai matlamat yang jelas, menilai keperluan pembelajaran, dan menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai, cenderung mencapai tahap motivasi yang lebih tinggi berbanding pelajar lain.

Selain motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan motivasi ekstrinsik (Boggiano *et al.*, 1987). Motivasi ekstrinsik yang diperoleh menerusi sokongan sosial daripada luar seperti guru, ibu bapa dan rakan sebaya memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Justeru, dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan akademik pelajar, selain motivasi intrinsik, pelajar juga perlu sentiasa diberikan galakan dan sokongan bagi membantu meningkatkan lagi pencapaian akademik mereka. Motivasi ini juga dapat mendorong pelajar, khususnya pelajar kolej tingkatan enam untuk lebih berkeyakinan untuk berdepan dengan cabaran akademik sekali gus mencapai kejayaan dalam pendidikan pra-universiti.

Menurut Valdazan *et al.* (2024), pelajar yang kurang bermotivasi semasa dalam kelas mengalami kesukaran untuk memahami maklumat yang disampaikan, tidak menunjukkan minat untuk mendengar dan mudah terganggu. Justeru, guru perlu meneroka pelajar yang mempunyai kesukaran dalam pembelajaran dan memerlukan motivasi. Kajian oleh Valdazan *et al.* (2024) mendapati bahawa motivasi ekstrinsik dan intrinsik berkesan dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar. Kajian mereka ada menyarankan bahawa menerusi pemberian ganjaran seperti memberikan markah tambahan dapat membantu dalam meningkatkan motivasi ekstrinsik pelajar. Dari segi motivasi intrinsik pula, guru dapat menyuntik motivasi intrinsik pelajar dengan cuba memahami kekuatan, kelemahan dan minat pelajar untuk berjaya dalam akademik. Hal ini secara langsung juga dapat dalam mengurangkan *amotivation* dalam kalangan pelajar dan meningkatkan efikasi sendiri pelajar dalam akademik.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa tahap efikasi sendiri dalam kalangan pelajar tingkatan enam di Kota Kinabalu adalah sederhana tinggi, manakala motivasi akademik adalah rendah

dengan menunjukkan variasi yang ketara antara sub konstruk motivasi intrinsik, ekstrinsik dan amotivasi. Menerusi kajian yang memfokuskan kepada efikasi diri dan motivasi akademik dalam kalangan pelajar tingkatan enam dapat membantu dalam mengenal pasti strategi intervensi yang boleh membantu meningkatkan prestasi pelajar, terutamanya dalam suasana pembelajaran yang semakin mencabar. Dapatan kajian mencadangkan keperluan untuk program intervensi yang khusus untuk meningkatkan tahap efikasi sendiri dan mengatasi motivasi akademik pelajar. Usaha ke arah membangunkan program pembangunan diri yang lebih menyeluruh dapat membantu meningkatkan keyakinan diri dan motivasi akademik mereka, seterusnya memberi kesan positif kepada pencapaian akademik yang lebih baik.

Penyata Etika

Penyelidik bertanggungjawab memastikan bahawa hasil kajian dilaporkan dengan jujur dan tepat, tanpa sebarang manipulasi data. Penyelidik juga menghormati privasi peserta dengan memastikan data yang diperoleh disimpan dengan selamat dan tidak didedahkan tanpa kebenaran. Sekiranya terdapat sebarang konflik kepentingan atau penemuan yang boleh menjejaskan pihak tertentu, penyelidik bertanggungjawab melaporkannya dengan telus. Penemuan kajian juga digunakan secara bertanggungjawab untuk kebaikan bersama, selaras dengan prinsip etika yang telah dipersetujui.

Penghargaan

Ucapan penghargaan kepada para penulis, penyelidik dan peserta yang telah memberikan kerjasama menyelesaikan setiap tugas yang diberikan dalam menyempurnakan penerbitan ini. Kajian ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa penyertaan dan kerjasama semua individu dan organisasi yang terlibat khususnya Kolej Tingkatan Enam Kota Kinabalu, Sabah. Penghargaan khusus diucapkan kepada para peserta yang sudi meluangkan masa, berkongsi pandangan, dan pengalaman mereka, yang sangat bernilai bagi kajian ini. Penulis juga menyatakan tiada konflik kepentingan dalam penerbitan. Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada mana-mana institusi yang membantu menyediakan sumber dan sokongan yang diperlukan untuk merealisasikan kajian ini.

Rujukan

- Bandura, A. (1977). *Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change*. *Psychological Review*, 84(2), 191–215.
- Bandura, A. (1997a). *Self-Efficacy in Changing Societies*. Cambridge University Press.
- Bandura, A. (1997b). *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. Worth Publishers.
- Boggiano, A. K., Barrett, M., Weiher, A. W., McClelland, G. H., & Lusk, C. M. (1987). Use of the maximaloperant principle to motivate children's intrinsic interest. *Journal of Personality and Social Psychology*, 55(5), pp. 866-879.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic motivation and self-determination in human behavior*. Plenum.
- Garcia, T., & Pintrich, P. R. (1996). *Assessing students'*

- motivation and learning strategies in the classroom context: The Motivated Strategies for Learning Questionnaire*. In *Alternatives in assessment of achievements, learning processes and prior knowledge*, pp. 319-339.
- Garavalia, L. S. & Gredler, M. E (2002), An Exploratory Study of Academic Goal Setting, Achievement Calibration and Self-Regulated Learning, *Journal of Instructional Psychology*, 29(4), pp. 221-231.
- Grace, G.C.A., Han, C.G.K., Fah, L.Y., & Bansa, L.A. (2018). The Effects of Achievement Motivation and Perceived Teacher Involvement in Academic Tasks on the Academic Achievement and Psychological Well-being of Rural Students in the Interior Sabah Division, Malaysia, *International Journal of Education and Psychological Research (IJEPR)* 7(3),4-10
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining sample size for research activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Othman, M. S. & Ismail, M. F. (2012). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran & pembelajaran bahasa Arab: satu tinjauan di SMAP Kajang*.: Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012, 19 May 2012, Port Dickson, Negeri Sembilan. pp. 173-189.
- Pajares, F. (1996). *Self-efficacy beliefs in academic settings*. *Review of Educational Research*, 66(4), 543–578.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). *Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being*. *American Psychologist*, 55(1), 68–78.
- Schwarzer, R., & Jerusalem, M. (1995). *General Self-Efficacy Scale (GSE)* [Database record]. APA PsycTests. <https://doi.org/10.1037/t00393-000>
- Schunk, D. H. (1991). *Self-efficacy and academic motivation*. *Educational Psychologist*, 26(3–4), 207–231.
- Slameto (2013), Utilizing ICT to Improve Influential Cooperative Learning toward Student's Achievement in Satya Wacana Christian University Salatiga, *International Journal of e-Education, e-Business, e-Management and e-Learning*, 3(4), pp. 330-332.
- Vallerand, R. J., Pelletier, L. G., Blais, M. R., Brière, N. M., Senécal, C. B., & Vallières, É. F. (1992). *Academic Motivation Scale (AMS, AMS-C 28, EME)* [Database record]. APA PsycTests. <https://doi.org/10.1037/t25718-000>.
- Valdazan E. C., Ana Marie J. C., Dionisio, J.S., Dionesio, M.S., Galangey, I.D., Iris, M.K., & Pasion, C. (2024). Extrinsic and Intrinsic Motivation and Academic Performance of Pupils at Quezon District Public Elementary Schools, *Cognizance Journal of Multidisciplinary Studies*, 4 (5), 54-66.
- Wan Mohamed, W.H.S. & Yunus, P.M.D.J.N (2018). Tinjauan efikasi sendiri pelajar berdasarkan kategori sekolah dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Perak. *International Journal of Education, Psychology, and Counseling*, 4(32), 284-314. <https://doi.org/10.35631/ijepc.4320026>.
- Wan Mohamed, & Yunus (2019). Tinjauan Efikasi Kendiri Pelajar Berdasarkan Kategori Sekolah dan

Hubungan dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah Harian di Perak. *International Conference on Education and Teaching Development*. July (2019).

<http://www.researchgate.net/publication/334774027>

Zimmerman, B. J. (2000). Attaining self-regulation: A social cognitive perspective. In M. Boekaerts, P. R. Pintrich, & M. Zeidner (Eds.), *Handbook of self-regulation* (pp. 13–39). Academic Press. <https://doi.org/10.1016/B978-012109890-2/50031-7>.